

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OKTOBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 13

DOSM keluar 1,180 penerbitan khidmat statistik sehingga Oktober



Mohd Uzir (empat dari kanan) bersama pemenang Pertandingan Debat Statistik Antara Institusi Pengajian Tinggi di Perpustakaan Perbadanan Awam Selangor (PPAS) Sungai Besar, semalam.

(Foto BERNAMA)

DOSM keluar 1,180 penerbitan khidmat statistik sehingga Oktober

Data dikeluarkan adalah 'emas' baharu untuk kepentingan Malaysia

Oleh Amirul Aiman Hamsuddin
bhnews@bh.com.my

Sungai Besar: Sebanyak 1,180 penerbitan membabitkan perkhidmatan statistik dikeluarkan sehingga bulan ini.

Ketua Perangkawatan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata jumlah itu membabitkan 172 penerbitan bulanan, diikut suku tahunan (54) dan tahunan (954).

"Pelbagai laporan merangkumi statistik ekonomi, sosial dan alam sekitar dikeluarkan Jabatan Perangkawatan Malaysia (DOSM)."

"DOSM sentiasa berusaha untuk menyampaip dan menyebarkan perkhidmatan statistik

yang terbaik dari semasa ke semasa," katanya ketika berpacu pada majlis perasmian sambutan Hari Statistik Negara (HSN) "Yuk Mampir" di Sungai Besar, di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Ekonomi, Datuk Nor Azmie Diron, mewakili Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Mohd Uzir berkata, sambutan HSN julung kali diadakan di Selangor iaitu di daerah Sabak Bernam, sebelum itu di Muar, Johor dan Sungai, Perak.

Pada masa sama katanya, 14 DOSM negeri juga mengadakan sambutan serentak di negeri masing-masing.

"Berdasarkan statistik rasmi DOSM, Sabak Bernam mempunyai bilangan penduduk 109,100 orang dengan 52.1 peratus lelaki dan 47.8 wanita.

"Daripada jumlah itu, 24.5 peratus adalah penduduk berusia 14 tahun dan ke bawah, diikuti 69.1 peratus (usia 15 hingga 64 tahun) dan 6.4 peratus (usia 65 tahun dan ke atas).

"Penduduk yang bekerja di daerah ini 61,000 orang dan ka-

yan yang terbaik dari semasa ke semasa," katanya ketika berpacu pada majlis perasmian sambutan Hari Statistik Negara (HSN) "Yuk Mampir" di Sungai Besar, di sini, semalam.

Pelbagai laporan merangkumi statistik ekonomi, sosial dan alam sekitar dikeluarkan Jabatan Perangkawatan Malaysia (DOSM). DOSM sentiasa berusaha untuk menyampaip dan menyebarkan perkhidmatan statistik yang terbaik dari semasa ke semasa

Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawatan Malaysia

dar penyerahan tenaga buruh adalah 71.2 peratus," katanya.

Katanya, pelbagai program dan aktiviti dirancang selama tiga hari bermula hari ini bersama rakan strategik DOSM, iaitu Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) dan Perbadanan Menteri Besar (MBI).

HARGAI DATA, STATISTIK

Dalam pada itu, Kementerian Ekonomi menganggap data dan statistik yang dikeluarkan oleh DOSM adalah 'emas' baharu untuk Malaysia.

"Untuk itu, 'emas' yang kita ada ini dapat digunakan sebaiknya untuk kepentingan negara secara keseluruhannya," katanya pada sidang media selepas majlis perasmian sambutan HSN "Yuk Mampir" di sini semalam.

Terdahulu, beliau yang mewakili Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli dalam ucapan berkata, bagi merancang dasar dan polisi

keutamaan bekalan makanan negara, pihaknya akan menggunakan data dan statistik pertanian.

Beliau berkata, walaupun Malaysia mempunyai tanah yang subur untuk pertanian, tetapi kos perbelanjaan import negara bagi makanan mencecah sehingga RM40 billion.

"Pengumpulan data ini penting dalam memberikan maklumat dan gambaran terbaik berkemana keadaan terkini bidang pertanian," katanya.

Justeru, Nor Azmie meminta semua pihak di peringkat negeri memberi kerjasama kepada DOSM yang akan melaksanakan Bincian Pertanian 2024 (BP 2024) pada tahun depan.

"Dari segi progress, semua negeri sudah terbabit di dalam usaha untuk BP 2024 nanti dan kita tidak akan tinggalkan mana-mana negeri."

"Untuk responden pula, kita turut akan usahakan sebanyak mungkin bagi membolehkan data yang dikumpul berasaskan atau bertepatan dengan pertanian di negara kita. Fokus dalam BP 2024 adalah membabitkan semua sektor," katanya.